

Newspaper  
Date

Utusan Malaysia  
17 February 2016

# Proton Perdana baharu tidak melebihi RM150,000

Oleh ZUNAIDAH ZAINON  
ekonomi@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 16 FEB.

PROTON Holdings Bhd. (Proton) akan memperkenalkan versi baharu Perdana dalam suku pertama tahun ini pada harga antara RM100,000 hingga RM150,000 sebuah.

Pengerusi Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tempahan bagi model tersebut sudah dibuka kepada orang ramai.

Katanya, Proton juga akan mengekalkan nama kenderaan tersebut termasuk model-model lain sebagai sebahagian daripada trend pemasaran yang juga dibuat oleh pengeluar kenderaan antarabangsa.

"Hari ini, bila kita bina kereta baharu, kita tidak tukar nama kerana



orang akan ingat ia ialah kereta yang berbeza. Bila Proton bermula dengan Saga, pada masa depan juga masih ada Saga dan begitu juga dengan Perdana," katanya dalam sidang akhbar dan taklimat khas media di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Abdul Harith Abdullah.

Dalam taklimat khas itu, media berpeluang menyaksikan kemunculan pertama versi baharu Perdana' itu yang ketika ini masih di peringkat prototaip.

Bagaimanapun, pada tahun lalu, Perdana mula 'ditayangkan' kepada penonton dalam beberapa sedutan filem Kapsul yang turut menampilkan bekas Perdana Menteri itu sebagai pelakon.

Difahamkan, model Perdana itu menggunakan platform sedan mewah Honda, Accord seperti mana yang dilakukan terhadap 3,000 buah Proton Perdana yang digunakan oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan pada masa ini.

Generasi pertama Proton Perdana dilancarkan pada 1995 dengan menggunakan platform Mitsubishi Galant atau Eterna sewaktu kerjasama antara Proton-Mitsubishi.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, Proton mempunyai aspirasi untuk membangunkan 100 peratus kenderaannya di dalam negara walaupun usaha tersebut berdepan cabaran terutama dari segi kos yang



GAMBAR Proton Perdana baharu yang tersebar meluas di Internet.

terhad untuk membangunkan sesebuah model.

"Saya difahamkan, ada syarikat luar negara yang boleh mepertingkatkan sehingga AS\$2 bilion (RM8.27 bilion) untuk membangunkan sesebuah model dan kita tidak mampu melakukannya. Jadi, apa yang kita boleh buat ialah membina

kenderaan tersebut mengikut kemampuan yang kita ada," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Harith berkata, kos pembangunan bagi versi baharu Perdana itu adalah sekitar RM200 juta.

"Kami menjangkakan versi baharu Perdana dan beberapa lagi model yang akan dilancarkan dapat

mem-bantu mencapai sasaran jualan Proton tahun ini antara 100,000 hingga 150,000 unit," katanya.

PROTON panggil semula 94,577 Exora, Preve dan Suprima > MUKA 18